

lokal

RUANG SEMPIT, SESAK DI MINA

Agong prihatin aduan jemaah


Makkah

Isu ruang sempit dan sesak di Mina mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang prihatin dengan kebajikan jemaah haji Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, Seri Paduka menghantar mesej kepada beliau supaya melihat mengenai isu ruang sempit khemah di Mina serta hal kebajikan jemaah haji negara.

Justeru, katanya beliau berbincang dengan penguurusan tertinggi Tabung Haji (TH) supaya Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH-Jakim) dapat memberikan pandangan untuk diputuskan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan dari segi ijtihad baharu termasuk berkaitan mabit (bermalam) di Mina.

"Agama Islam adalah agama yang memberi penyelesaian pada setiap masalah yang timbul. Kalau isu (ruang) sempit dan kesukaran dialami jemaah, isu mabit di Mina, perkara ini perlu dilihat semula dan dibincang-



JEMAAH haji mengerjakan tawaf di Masjidil Haram.

kan secara teliti oleh penasihat syariah untuk mencari penyelesaian terbaik," katanya dalam sidang media di sini.

Isu ruang sempit dan kesesakan selain masalah kerosakan penyaman udara di khemah penginapan di Mina pada musim haji ini diper-

katakan di media sosial dan turut dilapor sebuah portal berita berbahasa Inggeris.

Mohd Na'im berkata, terdapat jemaah haji negara

lain yang tinggal di luar kawasan Mina, tetapi berulang-alik untuk mabit di Mina dalam tempoh ditetapkan syarak.

Katanya sempadan Mina ditetapkan hukum dan tidak berubah dari dahulu, walaupun bilangan jemaah haji meningkat setiap tahun seiring peningkatan jumlah rakyat di sesebuah negara.

"Hakikatnya jumlah jemaah haji bertambah, tetapi keluasan Mina hanya itu, jadi kalau nak pastikan dengan jumlah jemaah haji yang bertambah setiap tahun, memerlukan ijtihad baharu.

"Tujuannya untuk memastikan keselesaan kerana ia berkait rapat dengan ibadat, kalau (jemaah haji) rasa tak selesa dan nak marah sahaja, nak mengamuk, ia mengganggu ibadat," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Na'im berkata, TH mengadakan mesyuarat penutupan dengan pelbagai kementerian dan agensi penyedia perkhidmatan haji di Arab Saudi bagi menilai semula tahap perkhidmatan dan kemudahan diberikan bagi musim haji 1444 Hijrah ini, sebelum selesai keberangkatan pulang jemaah haji.

Katanya TH juga mengadakan mesyuarat pascanilai bagi menilai secara terperinci perjalanan musim haji tahun ini serta ruang untuk penambahbaikan.